



## **PERKESO**

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
MENARA PERKESO, 281 JALAN AMPANG  
50538 KUALA LUMPUR  
TEL: 0342535320**

**PEKELILING MAJIKAN NO. 1 TAHUN 2003  
AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, 1969**

### **NOMBOR KAD PENGENALAN PEKERJA DI AMBIL SEBAGAI NOMBOR PENDAFTARAN KESELAMATAN SOSIAL PERKESO**

Semua majikan, pekerja dan orang awam adalah dimaklumkan bahawa mulai 1/8/2003 Pertubuhan Keselamatan Sosial tidak akan lagi mengeluarkan Nombor Pendaftaran Keselamatan Sosial. Selaras dengan Peraturan 15, Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Nombor Kad Pengenalan yang diperuntukkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia adalah dianggap sebagai Nombor Pendaftaran Keselamatan Sosial yang di peruntukkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial.

Semua majikan dan pekerja yang tidak menerima Nombor Pendaftaran Keselamatan Sosial sehingga tarikh ini perlu mengemaskinikan semua rekod dengan Nombor Kad Pengenalan sebagai Nombor Pendaftaran Keselamatan Sosial.

Semua majikan adalah diingatkan bahawa bagi setiap pekerja yang baru diambil bekerja didaftarkan dengan mengemukakan Borang 2 seperti dikehendaki oleh Peraturan 12 (1), (3), (4) dan 12A Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Nombor Kad Pengenalan hendaklah diisi di ruang yang diperuntukkan semasa mengisi Borang 8A dan Borang 8B. Bagi ruang Nombor Pendaftaran Keselamatan Sosial pula, ianya perlu diisi dengan Nombor Keselamatan Sosial bagi pekerja yang telah diperuntukkan nombor tersebut sebelum 1/8/2003 dan bagi pekerja yang lain ruang ini diisi dengan Nombor Kad Pengenalan.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**



**(DATUK NG TECK)**

Ketua Eksekutif,

Pertubuhan Keselamatan Sosial.

1 Ogos 2003